

## **Pilihan Raya Umum 14 (Pru-14) Dan Tumbangnya Barisan Nasional (BN) Di Parlimen Silam**

### **ABSTRACT**

Sabah sering dianggap sebagai fixed deposit Barisan Nasional (BN) dan UMNO sejak 1994. Kemenangan yang sering dicapai dalam oleh UMNO/BN Sabah dan Sarawak dalam PRU sejak 1994, 1998, 2004, 2008 dan 2013 merupakan testimoni kepada realiti ini. Namun dalam PRU-14, BN gagal mempertahankan kedudukannya di Sabah apabila secara teknikal telah kehilangan kuasanya kepada Parti Warisan yang kemudian telah berkuasa di Sabah. Parlimen Silam yang merupakan fixed deposit BN, mereka telah kalah 4 – 0 kepada Parti Warisan. Makalah ini membincangkan antara isu yang membawa kepada kekalahan ini antara lain; kepimpinan, tidak peka kepada masalah penduduk setinggan, nepotisme, isu tanah, ESSCOM, kenaikan kos sara hidup dan 1MDB. Kaedah kualitatif telah digunakan dengan temu bual, pemerhatian dan kepustakaan. Temu bual telah dibuat dengan calon bertanding, ahli politik (UMNO) dan Parti Warisan serta masyarakat di Parlimen Silam. Makalah ini mendapati bahawa keengganan BN belajar dari segi sejarah bahawa rakyat Sabah dan pengundi Silam yang rasional memilih menukar kerajaan jika mereka tidak puas hati dengan kerajaan sebagaimana yang pernah berlaku pada 1976 (USNO), 1985 (Berjaya) dan 1994 (PBS). Kegagalan belajar dari sejarah mengakibatkan BN tumbang di Parlimen Silam dalam PRU-14 , kubu kuatnya selama ini.